



ingress

Sistem Pengurusan Pelawat

Menagalu-alukan pelawat, mengekalkan keselamatan

Automasikan sistem pengurusan pelawat bagi premis anda dengan IngressVMS yang terkini, direkabentuk bagi menyediakan prosedur yang sistematik di dalam menguruskan aktiviti keluar masuk pelawat. IngressVMS meringkaskan proses pendaftaran pelawat melalui pra-pendaftaran atas talianya yang membolehkan pemilik premis mengetahui maklumat asas pelawat sebelum memberikan lawatannya dan juga bagi membolehkan pengawal keselamatan membuat pengesahan status pelawat semasa ketibaan mereka. Dengan penyaringan pelawat yang meragukan, IngressVMS mampu menambahbaik sistem kawalan keselamatan premis anda dan pada waktu yang sama menyimpan rekod kesemua pelawat bagi tujuan audit dan rujukan di masa hadapan. IngressVMS berhubung secara terus dengan pangkalan data solusi akses pintu Ingress dan ia membolehkannya menjelaki laluan pelawat yang melawat premis sepanjang masa.



Proses Pendaftaran Atas Talian

Pekerja/Pelawat boleh membuat pra-pendaftaran terlebih dahulu bagi menjimatkan masa pengisian maklumat serta masa menunggu mereka. Bagi tujuan maklumbalas pantas kelulusan atau penolakan pelawat juga boleh dilaksanakan di atas talian bersama sebab-sebabnya.



Penempatan Akses Pintu Yang Mudah

Dihubungkan dengan perisian Akses Pintu Ingress yang komprehensif, akses pintu untuk pelawat boleh ditentukan berdasarkan pada jenis pengesahan akses pintu yang boleh dijejaki oleh sistem.



Data Pelawat Yang Kukuh

Dengan mempunyai kesemua data pelawat yang kukuh dan tersedia di atas talian, lawatan seterusnya menjadi lebih mudah bagi pelawat tanpa rekod yang buruk manakala tiada kebenaran masuk akan diberikan pada pelawat yang telah disenaraihitamkan.



Rekod Laluan

IngressVMS merekodkan peta laluan perjalanan setiap pelawat, membolehkan pihak pengurusan mendapat maklumat yang telus tentang kesemua lawatan yang diterima daripada pihak luar serta pekerja yang menerima lawatan mereka.



Proses Automasi

Tidak perlu lagi pengawal keselamatan anda menuis maklumat pelawat di dalam buku log. Merekod secara manual terdedah kepada kesilapan dan ini akan menyebabkan maklumat yang tidak tepat diterima oleh pihak pengurusan semasa berlakunya kecemasan. Dengan melaksanakan proses ini secara automatik maka ketepatan data yang diperolehi tidak lagi diragui.



Audit Kecemasan Efektif

Semasa kecemasan, IngressVMS mampu mengeluarkan maklumat mengenai pelawat yang masih berada di dalam bangunan dan yang telah meninggalkannya bagi tujuan memudahkan pihak berkusa melaksanakan proses evakuasi. Dengan mempunyai rekod laluan pihak berkusa akan dimaklumkan mengenai tempat keluar/masuk terakhir pelawat bagi memastikan proses evakuasi yang efektif.



Antara Muka Mesra Pengguna

IngressVMS direkabentuk bersama antara muka yang ringkas dan mesra pengguna dan ini menjadikannya mudah untuk kesemua pengguna malahan tanpa latihan yang kerap seseorang pengguna tanpa mempunyai latarbelakang IT juga mampu memahami sistemnya dan dengan penyediaan panduan penggunaan akan memastikan kelancaran proses penggunaannya.



Senarai Pelawat Disekat

Pelawat perlu menurut segala peraturan sesebuah premis untuk terus berada di dalam senarai pelawat yang dibenarkan. Kegagalan berbuat demikian atau kerap melakukan kesalahan akan menyebabkan nama mereka akan disenaraihitamkan dan hanya keputusan pihak pengurusan akan memulihkan kembali rekod mereka.



DIAGRAM SKEMATIK

Klien web IngressVMS 1



Klien web IngressVMS 2



FITUR UTAMA

▶ IngressVMS adalah sistem berdasarkan web sepenuhnya

▶ Diintegrasikan bersama Sistem Akses Pintu Ingress

- Tempatkan kebenaran kawalan akses pada pelawat
- Hubungkan solusi keselamatan pihak ketiga seperti CCTV dan penggera bagi tujuan sistem akses yang komprehensif
- Pangkalan data dihoskan hanya pada pangkalan data MySQL sahaja

▶ Jana Laporan Penting, boleh disaring berdasarkan bidang

- **Laporan Profil Pelawat**
Menyenaraikan kesemua pelawat semasa dan pelawat terdahulu di dalam sistem
- **Laporan Pelawat Disenaraihitam**
Menyediakan maklumat mengenai pelawat-pelawat yang telah disenaraihitam oleh syarikat
- **Status Semasa Laporan Pelawat**
Menyenaraikan pelawat semasa yang masih berada di dalam premis
- **Laporan Pelawat Pra Tempahan**
Memaparkan permohonan pelawat membuat lawatan menerusi aplikasi web tetapi tidak mendaftar masuk.
- **Laporan Jumlah Pelawat**
Menyenaraikan jumlah pelawat berdasarkan julat tarikh ditetapkan

▶ Panduan dan manual atas talian disediakan


▶ Bahasa

- Inggeris • Melayu • Indonesia • Sepanyol • Cina Tradisional,
- Cina Diperbaharui • Arab • Hindi • Portugis
- Vietnam • Thai

Contoh
Laporan

Visitor Profile Report	
Total Visitor: 2	
	Name: Chris
	Nationality: Malaysian
	Gender: Male
	Mobile number: 6014-7998099
	ID Card/ Driving license no: 820405-05-5283
	Email: -
	Company name: Copy Office Supply
	Type of vehicle: Van
	Role: Supplier (Office equipments)
	Last visit on: 09-03-2015 5:30pm

Current Status of Visitor	
Total Visitor: 1	
	Name: Fatimah Abdullah
	Nationality: Malaysian
	Gender: Female
	Mobile number: 6016-3381256
	Company name: BioTech
	Role: Supplier
	Current status: Check In
	Last verified location: Lobby
	Date and time verified: 10-03-2015 09:14am
	Department to visit: Administration
	Person to visit: Janice



Revendedor Autorizado: